



GEREJA IMMACULATE CONCEPTION	
9, Jalan Gereja, 80100 Johor Bahru, Johor, Malaysia	
Tel: +607-224 3034; H/P: +6011-5868 3303	
Laman Web: www.cicjb.org Email: office@cicjb.org	
Laman web keuskupan: www.mjdiocese.my	

Paderi Paroki	Rev. Fr Claurence Motoyou, OFM	+6016-834 1211	PEJABAT PAROKI	
Paderi dlm. Residen	Rev. Fr Leo Elias	+607-224 3034	ISN	CUTI
Diakon Tetap	Deacon Sherman Kuek OFS	+607-224 3034	Waktu Pejabat	9.00am~5.00pm
Pem. Pastoral	Sr. Maria Goretti Heng CSCM	+6011-2672 1120		
Pentadbir Pjbt.	Ms Theresa Ong	+607-224 3034 / +6011-5868 3303	SAB	9.00am~4.00pm
Pbtu. Pentadbir	Ms Jean M. Lopez		AHD	8.30am~12.00pm
Pngrs. Akaun	Olivia Yee	+6012-786 7280	Rehat	12.00pm
Kdtr.Pengebumian	Mr Patrick Tan			1.00pm

MISA @ CIC:		ENGLISH				
12 9 3 6	H. BIASA SETIAP HARI	ISN-JUM - 7.15AM		SAB PERTAMA BULANAN - 7.15AM		
	*Bagi hari Pesta atau Hari Obligasi, Misa Pagi bermula jam 6.30am					
	HARI	BAHASA M'SIA	ENGLISH	MANDARIN	TAMIL	
	MINGGU	SAB- 4.00PM	SAB- 6.30PM	AHD- 7.30AM	AHD- 10.30AM	AHD- 5.00PM

1. HARI KENAIKAN TUHAN: Khamis - 29/05/25. Ia merupakan HARI OBLIGASI. Terdapat DUA MISA:-

- Rosario dalam bahasa ENG @ 6am diikuti dengan Misa Bahasa ENG @ 6.30am
- Rosario Pelbagai Bahasa @ 8pm diikuti dengan Misa Pelbagai Bahasa @ 8.30pm.

2. PERSEMAHAN KEPADA GEREJA: Jika anda ingin memberi sebarang sumbangan kepada Gereja dalam bentuk: a) Persembahan Umum Gereja b) Intensi Misa c) ICON/Bagi yang miskin dan memerlukan d) Dana Penyelenggaraan Gereja/ Sumbangan Bulanan Umat e) Penyelenggaraan Perkuburan Larkin f) Dana Naik taraf Bangunan. Derma secara online: Bank ; **Public Bank Berhad. No Akaun Penerima: 3099421333** Nama Akaun: **CHURCH OF THE IMMACULATE CONCEPTION.** Di dalam butiran pembayaran, sila tuliskan tujuan sumbangan anda cth, "Sumbangan Umum Gereja" atau "Dana Penyelenggaraan". Sila emelkan resit pemindahan wang ke office@cicjb.org dan nyatakan jika anda memerlukan resit. Bagi sesiapa yang tidak mempunyai perbankan atas talian, anda boleh memberi sumbangan terus ke pejabat semasa waktu pejabat.

3. INISIASI KRISTIAN DEWASA (IKD):
ENG Pn Emmy Jong +6017 - 360 5400 | **BM** Pn Margrette +6011 - 2587 8548 |
TAM En Thomas Marisuseh +6016 - 757 9474 | **MAN** En Matthew +6013 - 968 9538 |



4. BEG KASIH CARITAS-Kutipan semula beg:
 Sila ambil perhatian bahawa pengumpulan beg Kasih Caritas yang telah diisi akan diadakan selepas misa petang dan misa hari minggu dari 26 April hingga 17 Mei di dewan St. Mary. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi: Madeleine: +60 19-279 2076 | Charlotte: +60 19-713 7217 | Terima kasih atas kemurahan hati dan sokongan anda!

5. PENGAGIHAN MAKANAN: Bersama dengan SSVP dalam menghidupkan Injil. CIC komited dalam menyediakan makanan kepada para gelandangan **pada Rabu, 14 Mei 25 @ 6pm.** Hubungi koordinator kerasulan MAN jika anda berminat untuk menyumbang: **Angela Ng +6016 - 799 4533 ATAU SSVP Angela Chen +6019-778 933.**

6. KUTIPAN MISA (3 & 4 MEI 2025) Terima kasih atas sumbangan anda...

BM 4PM	RM2,000.50	ENG 7.30AM	RM1,622.60
ENG 6.30PM	RM3,440.95	MAN 10.30AM	RM1,841.00
TAM 5PM	RM902.70	JUMLAH: RM 9,807.75	

"Hormatilah Tuhan dengan memberi Dia persembahan dari harta benda dan hasil tanamanmu yang terbaik." (Amsal: 3:9)

7. DOA ROSARI SEBELUM MISA PADA BULAN MEI:

- ISNIN - JUM @ 6:30pagi (English) |
- Sabtu @ 3:15pagi (BM) | @ 5:45petang (English) - Novena kepada OLPH tidak berubah |
- AHAD @ 6:50pagi (English) | 10:00pagi (Mandarin) | 4:30pagi (Tamil) |

8. SARAPAN PAGI SSVP: Akan diadakan semula **pada 11 Mei 2025** selepas Misa pagi Ahad jam 7:30 pagi. Semua hasil kutipan akan disalurkan ke Dana Pembangunan Gereja.

9. SSVP TEA PARTY: Sertai kami untuk pesta minum petang yang penuh keseronokan pada Ahad 8 Jun @ Dewan CIC, Jb dari 2 petang - 5 petang. Bertemakan "Swinging 60's - 70's" dengan hadiah diberikan untuk yang berpakaian terbaik. Nikmati makanan, permainan, muzik dan tarian yang mengimbau kembali zaman itu. Datang bergaul dan berseronok. **Kutipan RM50** setiap orang dengan semua hasil akan disalurkan ke dana bangunan CIC, JB. Untuk maklumat lanjut sila hubungi **Maureen +6012-798 0965** atau **Marcella +6019-233 2076;** dianjurkan oleh SSVP.



10. NOTIS PENTING: - Prosedur bagi PERKAHWINAN Katolik di Keuskupan Melaka

Johor (bermula dari 1 Jun 2021): Pasangan yang ingin berkahwin perlu memaklumkan pejabat paroki, sekurang-kurangnya **ENAM (6) bulan** sebelum tarikh perkahwinan. (Bukan melalui ibu/bapa atau orang tengah) Pasangan juga perlu mengikuti Kursus Persiapan Perkahwinan. Borang Pendaftaran Kursus Persiapan Perkahwinan juga perlu ditandatangani oleh Paderi Paroki.
- PERKAHWINAN/BAPTIS: Dimaklumkan bahawa bangunan gereja akan memulakan kerja pengubahsuaian besar dalam masa terdekat. Oleh itu **SEMUA PERKAHWINAN & PEMBAPTISAN yang telah ditempah dalam tempoh renovasi akan DIPINDAHKAN KE DEWAN.** Notis akan dikeluarkan apabila tarikh telah ditetapkan.

- TEMPAHAN BILIK: Berkuat kuasa serta-merta, semua bilik yang ditempah hanya boleh dibatalkan melalui Pejabat Paroki, 3 hari lebih awal. Tarikh dan masa tempahan tidak boleh diubah setelah disahkan. Jika terdapat perubahan, maka tempahan itu **MESTI** dibatalkan dan tempahan baharu perlu dibuat. Sila semak tempahan bilik anda yang akan dicetak setiap minggu. Jadual akan diletakkan di papan kenyataan, di luar dinding pejabat dan di laman web. Jika tempahan anda tidak ditunjukkan di dalam jadual, sila hubungi pejabat paroki dengan segera.
PERINGATAN: Semua permohonan untuk tempahan bilik **MESTI** dibuat seminggu lebih awal.

11. RV RETREAT: Retret RACHEL'S VINEYARD mengalu-alukan MANA-MANA lelaki atau wanita yang sedang bergelut dengan kesakitan emosi dan rohani akibat keguguran. Retret berasaskan kitab suci selama **3 hari/2 malam** akan diadakan di **Pulau Pinang dari Jumaat 27hb - Ahad 29hb Jun'25 | Tarikh Tutup: 20hb Mei'25.** Retret ini direka khas untuk membantu para peserta mengalami belas kasihan, kasih sayang dan rahmat Tuhan yang menyembuhkan. Ia adalah masa rahmat. Sila **hubungi Mary @+6016-419 0538** atau e-mel rachelsvineyard.my@gmail.com untuk maklumat lanjut. Semua komunikasi adalah sulit.

12. PERAYAAN KESYUKURAN MENUAI Ke-16 2025: Akan diadakan di **Pusat Majodi pada SAB, 21 Jun dari 9am-6pm.** Dianjurkan oleh Bahasa Malaysia Language Council Vikariat Johor Selatan, Keuskupan Melaka Johor. Pertunjukan pentas, makanan tradisi & cabutan bertuah akan diadakan. **Semua dijemput hadir.** Tiket cabutan bertuah akan mula dijual mulai 17 Mei selepas Misa BM di pintu hadapan gereja atau boleh dapatkan daripada ketua KED anda.